

14/10/1997

Usaha bebaskan 70 juta rakyat miskin mutlak

KUALA LUMPUR, Isnin - Usaha membebaskan 70 juta rakyat miskin mutlak di Asia Pasifik daripada belenggu kemiskinan dijangka dapat dicapai menjelang tahun 2005 sekiranya Jawatankuasa Pemandu Kemajuan Ekonomi Wanita Luar Bandar dan kepulauan Asia Pasifik (RSC-AP) cergas memainkan fungsi strategik sebagai pembela nasib mereka.

Pengerusinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, berkata sehubungan itu adalah perlu semua anggota peserta mengembleng tenaga memastikan kemudahan kredit diberikan kepada yang memerlukan terutama wanita miskin di luar bandar.

"Marilah kita mengalih apa saja batas sempadan untuk memudahkan wanita miskin di kawasan luar bandar mendapat semua kemudahan kredit bagi membantu meningkatkan taraf hidup mereka," katanya dalam ucapan alu-aluan pada majlis perasmian mesyuarat RSC-AP, di sini, hari ini.

Mesyuarat empat hari itu disertai tujuh wanita pertama iaitu Dr Siti Hasmah dari Malaysia, Usha Narayanan (India), Zohreh Khatami Sadeghi (Iran), Mairam Akaeva (Kyrgyzstan), Shurentsetseg Erenjavyn (Mongolia), Begum Kulsoom Nawaz Sharif (Pakistan) dan Vo Thi Le (Vietnam).

Mesyuarat yang bertemakan "Mengikis Kemiskinan Melalui Kredit Mikro Untuk Wanita Miskin Luar Bandar dan Keluarga" dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Peserta lain ialah utusan khas kepada wanita pertama negara masing-masing iaitu China, Kazakhstan, Maldives, Filipina, Tonga dan Uzbekistan.

Dr Siti Hasmah berkata, usaha mempertahankan dasar persekitaran menyenangkan serta keselamatan bersesuaian membolehkan institusi kewangan kecil mikro meningkatkan jumlah penyimpan luar bandar.

"Marilah kita berganding bahu menggerakkan sumber kewangan dengan mewujudkan tabung pusingan sebagai sumber alternatif untuk membantu aktiviti kewangan mikro di negara masing-masing dengan memberi pengkhususan kepada wanita miskin," katanya.

Beliau turut melahirkan keyakinan bahawa setiap pinjaman kepada wanita miskin di luar bandar adalah sama dengan memberi mereka satu harapan kepada kehidupan baru.

Katanya, mikro kredit adalah lebih daripada memberi pinjaman, kerana ia turut memberi peluang kepada wanita meningkatkan skil serta potensi yang mungkin selama ini dihalang oleh kemiskinan.

"Ia juga memberi mereka keyakinan diri, kejayaan, menaikkan maruah dan penghormatan selain mengeluarkan keluarga daripada kemiskinan," katanya.

(END)